



**GARIS PANDUAN BERKAITAN TANGGUNGJAWAB MENGEMUKAKAN  
BUTIRAN BAYARAN KEPADA EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH DALAM  
BORANG CP58 BAGI MAKSUD PERUNTUKAN DI BAWAH  
SEKSYEN 83A AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP 1967)**

---

**1. PENGENALAN**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kriteria atau jenis bayaran oleh syarikat pembayar kepada ejen, pengedar atau pengagih sepertimana yang dimaksudkan di bawah seksyen 83A, Akta Cukai Pendapatan 1967.
- 1.2 Bayaran kepada ejen, pengedar atau pengagih boleh berbentuk wang tunai atau bukan wang tunai dan dianggap sebagai insentif yang boleh dikenakan cukai kepada penerima.
- 1.3 Insentif yang berbentuk wang tunai adalah seperti komisen dan bonus manakala insentif berbentuk bukan wang tunai adalah seperti perkuisit, produk syarikat dan penebusan mata.

**2. TANGGUNGJAWAB SYARIKAT PEMBAYAR**

- 2.1 Syarikat pembayar hendaklah menyediakan Borang CP58 untuk semua penerima insentif. Walau bagaimanapun, syarikat pembayar hendaklah menyerahkan Borang CP58 tersebut hanya kepada penerima insentif

yang melebihi RM5,000.00 selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya.

Syarikat pembayar dikehendaki mengeluarkan Borang CP58 jika diminta oleh penerima yang menerima insentif kurang daripada RM5,000.00.

- 2.2 Syarikat pembayar juga dikehendaki menyediakan dan menyimpan senarai maklumat semua penerima insentif selama tujuh (7) tahun dari tahun asas insentif diberikan.
- 2.3 Borang CP58 boleh didapati dan dimuat turun dari laman sesawang rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

### **3. PEMAKAIAN**

- 3.1 Nilai insentif berbentuk bukan wang tunai misalnya kenderaan atau rumah yang perlu dilaporkan dalam Borang CP58 adalah berdasarkan amaun yang dibelanjakan dan dituntut oleh syarikat pembayar.
- 3.2 Insentif hendaklah dilaporkan dalam Borang CP58 bagi tahun insentif itu diberikan dan secara amnya dibenarkan sebagai tuntutan perbelanjaan hasil di bawah subseksyen 33(1), ACP 1967.
- 3.3 Ejen, pengedar atau pengagih tidak termasuk ejen, pengedar atau pengagih yang menerima insentif di bawah kontrak bagi perkhidmatan dan insentif tersebut telah dilaporkan oleh majikan bersama pendapatan penggajian.
- 3.4 Penerima insentif hendaklah melaporkan amaun yang ditunjukkan dalam Borang CP58 sebagai pendapatan dalam tahun taksiran insentif diterima.
- 3.5 Contoh-contoh bagi isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

### **3.5.1 Insentif berbentuk tunai**

#### **Contoh 1**

Kolej Kemajuan Teknik Sdn. Bhd. (menutup akaun pada 30 Jun) telah melantik 2 orang ejen untuk mendapatkan 100 orang pelajar luar negara untuk belajar di kolej tersebut untuk sesi 2013/2015. Kedua-dua ejen telah berjaya mendapatkan jumlah pelajar yang ditetapkan dan masing-masing dibayar RM15,000.00 komisen pada 7 Julai 2013.

Kolej Kemajuan Teknik Sdn. Bhd. layak menuntut RM30,000.00 bagi insentif yang dibayar kepada ejen untuk tahun taksiran 2014.

Kolej Kemajuan Teknik Sdn. Bhd. dikehendaki untuk melaporkan insentif tersebut dalam Borang CP58 bagi setiap ejen bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan mengemukakan kepada ejen selewat-lewatnya pada 31 Mac 2014.

### **3.5.2 Insentif bukan berbentuk tunai.**

#### **Contoh 2**

Syarikat New World Sdn. Bhd. (menutup akaun pada 31 Disember) sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan jualan barangan pengguna telah menawarkan kepada pengedar-pengedarnya yang mencapai sasaran jualan pakej perjalanan tahunan ke New Zealand pada bulan Disember 2013. Kos pakej perjalanan untuk setiap pengedar yang layak ialah RM8,000.00. Jumlah pengedar yang menyertai rombongan tersebut adalah seramai 20 orang. Kos keseluruhan pakej perjalanan ialah RM160,000.00.

Syarikat pembayar (New World Sdn. Bhd.) layak menuntut kos pakej perjalanan sebanyak RM160,000.00 dalam akaun untung rugi untuk tahun taksiran 2013.

New World Sdn. Bhd. dikehendaki untuk melaporkan insentif tersebut dalam Borang CP58 bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan mengemukakan kepada pengedar selewat-lewatnya pada 31 Mac 2014.

### **Contoh 3**

Fakta seperti di Contoh 2. Jika pengedar A yang layak untuk insentif perjalanan telah menghadiahkan insentif tersebut kepada pihak ketiga iaitu pengedar B tanpa apa-apa balasan.

Syarikat pembayar dikehendaki mengeluarkan Borang CP58 kepada pengedar A yang merupakan penerima insentif yang layak.

### **Contoh 4**

Syarikat Healthy Life Style Sdn. Bhd. (menutup akaun pada 31 Ogos) telah menganjur satu seminar di negara Thailand untuk 10 orang ketua-ketua pengedar yang bernilai RM40,000.00 pada 6 Jun 2013 dengan objektif-objektif berikut:

- Meningkatkan pengetahuan produk–produk
- Meningkatkan kebolehan kepimpinan pengedar.

Antara program-program yang dianjurkan adalah *Team building activity*, *Leadership Activity* dan lain-lain yang bermaksud untuk objektif-objektif seperti di atas.

Syarikat Healthy Life Style Sdn. Bhd. layak menuntut kos pakej perjalanan sebanyak RM40,000.00 bagi tahun taksiran 2013.

Syarikat Healthy Life Style Sdn. Bhd. dikehendaki menyedia dan menyimpan Borang CP58 bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 bagi setiap pengedar yang ditawarkan pakej perjalanan tersebut.

#### **Contoh 5**

Dalam tahun 2012, pengedar C yang telah mencapai sasaran jualan tertinggi dalam Syarikat ABC Sdn. Bhd. telah dihadiahkan sebuah rumah kediaman bernilai RM500,000.00 pada 5 Mei 2013.

Syarikat ABC Sdn. Bhd. layak menuntut kos rumah kediaman berjumlah RM 500,000.00 bagi tahun taksiran 2013.

Syarikat ABC Sdn. Bhd. dikehendaki menyediakan Borang CP58 bagi insentif berjumlah RM500,000.00 kepada pengedar C yang menerima insentif rumah kediaman dalam tahun berakhir 31 Disember 2013 dan mengemukakan Borang CP58 kepada pengedar C selewat-lewatnya pada 31 Mac 2014.

#### **Contoh 6**

Syarikat Majujaya Sdn. Bhd. yang menjalankan perniagaan menjual barangan kosmetik telah menghadiahkan produk sendiri bernilai RM600.00 kepada ejen-ejenya yang mencapai sasaran jualan tertentu untuk mendorong ejen-ejen tersebut mencapai sasaran yang lebih tinggi bagi tahun berakhir 2013.

Syarikat Majujaya Sdn. Bhd. dikehendaki menyediakan dan menyimpan Borang CP58 bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 berjumlah RM600.00 bagi setiap ejen yang layak untuk insentif tersebut.

### **Contoh 7**

Syarikat Hebat Sdn. Bhd. telah menawarkan perkuisit secara cabutan bertuah berupa hadiah rumah, kereta dan komputer untuk pengedar-pengedar yang telah mencapai sasaran jualan bernilai RM1 juta ke atas.

Oleh kerana perkuisit layak dikenakan cukai, syarikat pembayar dikehendaki mengeluarkan Borang CP58 kepada penerima berdasarkan amaun perkuisit yang dibelanjakan.

#### Nota:

Insentif bukan berbentuk wang tunai yang diterima oleh ejen, pengedar atau pengagih seperti perkuisit, manfaat berupa barangan, *Programme point redemption*, *Long Term Contribution Incentive* dan *Specific Product Incentive* adalah layak dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a), ACP 1967.

### **3.5.3 Bayaran bukan Insentif.**

#### **Contoh 8**

Larut Sdn Bhd sebuah syarikat yang menjual produk kesihatan telah menjual produknya kepada Pasaraya Fresh Sdn. Bhd. secara borong bernilai RM100,000.00. Pasaraya Fresh Sdn. Bhd. telah diberikan diskaun 6% (*bulk discount*) berjumlah RM6,000.00. Jumlah yang perlu dibayar oleh Pasaraya Fresh Sdn. Bhd. adalah RM94,000.00.

Diskaun RM6,000.00 adalah *bulk discount* yang bukan merupakan insentif bagi maksud garis panduan ini. Oleh itu, diskaun tersebut tidak perlu dilaporkan dalam Borang CP58.

### **Contoh 9**

Fakta seperti di Contoh 8. Pasaraya Fresh Sdn. Bhd. telah menjelaskan bayaran RM94,000.00 dalam tempoh yang ditetapkan (*prompt payment*) dan telah diberi diskaun lanjutan secara rebat kredit sebanyak 1% bernilai RM1,000.00.

Rebat kredit RM1,000.00 bukanlah insentif bagi maksud garis panduan ini dan tidak perlu dilaporkan dalam Borang CP58.

#### **3.5.4 Penerima bukan ejen**

### **Contoh 10**

Syarikat Amazon Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan menjual beg berjenama dan telah melancarkan promosi bagi produknya. Pelanggan yang membeli produk melebihi RM8,000.00 akan dihadiahkan sebuah dompet bernilai RM300.00 jika pelanggan tersebut dapat menarik pelanggan lain untuk membeli produk Syarikat Amazon Sdn. Bhd. yang bernilai RM8,000.00 atau lebih.

Oleh kerana pelanggan bukan ejen yang dilantik, Syarikat Amazon Sdn. Bhd. tidak perlu menyediakan CP 58 kepada pelanggan-pelanggan yang telah menarik pelanggan lain bagi pihaknya.

Disediakan oleh

Bahagian Khidmat Nasihat  
Jabatan Dasar Percukaian  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
1 Julai 2013